

BERITA HARIAN

DATE: 31 / 07 / 2007

Kibar Jalur Gemilang serlahkan patriotisme



**Suara
Orang Muda**
Bersama

Noraini Ahmad

E-mel: norainiputeri@yahoo.com

ESOK, kita akan memasuki bulan kemerdekaan dan lebih bermakna 31 Ogos tahun ini, adalah tarikh keramat ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara, menandakan sudah separuh abad kita bebas daripada belunggu penjajah.

Bagi warga yang hidup pada zaman sebelum merdeka dan kini sudah menjangkau usia emas, sambutan kemerdekaan sudah pasti membawa pengertian lebih bermakna. Seperti Mariam Johari, 86, tempoh 64 tahun berpisah dengan bumi bertuah pasti terkejut apabila beliau diberi peluang melihat dengan lebih jelas perubahan dan pencapaian kemajuan di bumi bertuah Malaysia.

Saya sendiri juga berkesempatan menyaksikan detik pertemuan Mariam dengan dua anaknya yang terpisah sejak 64 tahun di Korea Selatan, baru-baru ini, cukup tersentuh. Beliau amat merindui keluarganya dan bumi Malaysia tercinta, namun pelbagai kekangan, termasuk ketiadaan identiti pengenalan untuk pulang ke negara sendiri angkara negara dijajah memaksa beliau membawa diri ke negara orang untuk tempoh lama. Sesungguhnya hujan emas di negara orang, hujan batu di

negara sendiri.

Apa yang pasti, ketika mencapai usia 50 tahun merdeka, sudah banyak negara membangun lain menjadikan kita sebagai model. Cuma apa yang kita harapkan pada bulan kemerdekaan ini, rakyat dapat berganding bahu bersama-sama meraikan ulang tahun kemerdekaan dengan satu hati. Semua pihak hendaklah mengetepikan perbezaan yang wujud, sebaliknya mengukuhkan semangat perpaduan dan eratkan hubungan silaturahim satu sama lain kerana ia manifestasi dan simbol cinta kita terhadap negara.

Bersama-samalah kita menghayati nikmat kemerdekaan negara. Sesungguhnya, ia peluang keemasan bagi rakyat bersatu tenaga dan pemikiran bagi memajukan kawasan masing-masing.

Sesuai dengan perayaan kemerdekaan sepanjang bulan ini, eloklah kita mengambil kesempatan mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh kebanggaan. Usahlah menunggu sehingga kita mendapat bendera percuma baru hendak mengibarkannya. Buktikan semangat patriotik kita dan kibarkan Jalur Gemilang mulai sekarang. Tunjukkan kepada dunia bahawa kita sememangnya bangga bergelar rakyat Malaysia.

Kibaran Jalur Gemilang adalah simbol yang sangat penting. Ia lambang patriotisme yang cukup nyata dan berkesan untuk dibuktikan. Kita harus ketepikan tanggapan negatif dan sikap pasif bahawa 31 Ogos tidak lebih daripada hari kelepasan am untuk bersuka ria.

BH- 31/7/2007
Kempen mengibarkan Jalur Gemilang sebenarnya bermula apabila nama Jalur Gemilang mula diguna pakai sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-40 pada 1997, iaitu genap 10 tahun lalu. Kempen ini dilihat sebagai usaha ke arah mewujudkan semangat patriotik dan semangat sayang kepada tanah air yang disemai dalam diri generasi muda, selain meningkatkan kesedaran generasi ini untuk menghormati bendera negara.

Generasi muda khususnya pelajar perlu merenung kembali serta menghargai pengorbanan kepimpinan dan pejuang terdahulu yang berjaya mendapatkan kemerdekaan negara tanpa pertumpahan darah. Pengibaran Jalur Gemilang adalah pengorbanan kecil yang boleh dilakukan rakyat Malaysia, sekali gus memberi makna bahawa kita menjiwai dan menghargai semangat kemerdekaan.

Sebagai generasi muda yang cintakan negara, apa salahnya kita kibarkan Jalur Gemilang untuk membuktikan kita benar-benar menghayati erti kemerdekaan dan berbangga dengan keamanan yang dinikmati selama ini. Semangat patriotisme perlu diterjemahkan melalui kibaran Jalur Gemilang menjelang sambutan kemerdekaan ke-50 pada 31 Ogos ini, di samping mengingatkan kita akan sejarah perjuangan bangsa.

Marilah kita bersama-sama memanfaatkan sebaik mungkin bulan kemerdekaan ini dengan pelbagai kegiatan bagi menghidupkan kegemilangan tanah air ketika mencapai kemerdekaan. Kita tidak mahu

lama kelamaan rakyat negara ini, terutama generasi muda akan semakin lupa bagaimana untuk menunjukkan rasa kasih dan menghormati tanah air menerusi bendera kebangsaan.

Perlu ditanamkan semangat di jiwa seluruh rakyat Malaysia bahawa mengibarkan Jalur Gemilang adalah suatu tanggungjawab wajib setiap warga negara. Harus ada tanggapan bahawa mengibarkan Jalur Gemilang dilakukan atas rasa kecintaan terhadap negara dan bukannya kerana paksaan.

Bendera yang sudah lapuk dan usang akibat terkena terik mentari dan hujan, sehingga pudar, rosak, koyak dan sakit mata memandang harus diganti baru. Suka atau tidak, memang ada lagi bangunan atau premis yang benderanya terbiar begitu lama tidak diurus sehingga nampak usang dan mencacatkan pemandangan. Tukar segera kepada yang baru demi rasa cinta kepada negara sendiri.

Biarpun kita mempunyai pelbagai fahaman politik, kaum dan anutan agama, kita masih berada di bumi tercinta dan bergelar warga Malaysia. Walau parti politik mana pun yang memerintah, bendera kebangsaan yang dipakai tetap Jalur Gemilang. Justeru, marilah bersama-sama menyemarakkan sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara dengan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan kemerdekaan.

**Datuk Noraini Ahmad
adalah Ketua Puteri Umno Malaysia**